


BAB III

KAEDAH DAN KAWASAN KAJIAN



Repository University Of Riau

PERPUSTAKAAN UNIVERSITAS RIAU

<http://repository.unri.ac.id/>

Kebijakan dan Implementasi



Repository University Of Riau

PERPUSTAKAAN UNIVERSITAS RIAU

<http://repository.unri.ac.id/>

Bab III

KAEDAH DAN KAWASAN KAJIAN

Dalam bab sebelumnya telah dibincangkan tentang konsep pemerksaan masyarakat di Bandar Pekanbaru Propinsi Riau, yang diharapkan memberikan impak positif dalam upaya pembanterasan kemiskinan. Pemerksaan masyarakat akan berhasil apabila upaya pemerksaan yang dilaksanakan berasas kepada potensi dan kemampuan yang dimiliki individu dalam kehidupannya. Sehingga melalui potensi yang dimiliki itu, masyarakat akan berjaya dan kuat dalam melepaskan diri dari kemiskinan. Konsep ini digunakan sebagai pedoman dan arahan dalam melakukan kajian pemerksaan masyarakat di Bandar Pekanbaru Propinsi Riau, yang tersaji melalui rang konsep yang disusun sebagai model dan alur kajian.

Bab ini juga turut membincangkan mengenai kawasan kajian yang menjadi destinasi pemerksaan masyarakat di Bandar Pekanbaru Propinsi Riau. Huraian secara lebih khas dan terperinci dilakukan terhadap kawasan pemerksaan masyarakat yang dilakukan melalui program usaha ekonomi kelurahan–simpan pinjam (UEK–SP) yang dilaksanakan di Bandar Pekanbaru Propinsi Riau. Kawasan ini terpilih kerana sebagai pusat Ibu Bandar Propinsi Riau dan sebagai kawasan yang memiliki perkembangan dan pertumbuhan Bandar yang cukup maju berbanding dengan kawasan lain di Propinsi Riau. Pada bab ini juga turut menghuraikan kaedah kajian yang digunakan dalam reka bentuk kajian. Ini dilakukan untuk memenuhi



tujuan dalam menyelesaikan masalah kajian. Kajian meliputi kaedah kemahiran dan metode penyelidikan yang terdiri dari kemahiran pengumpulan data, kemahiran analisis data, kawasan kajian, populasi dan sampel dan kemahiran penarikan sampel.

Kaedah yang pakai untuk menganalisis data kajian juga diperjelaskan. Deskripsi pendekatan kajian menggunakan kaedah kualitatif, iaitu merajahkan dan menjelaskan tentang permasalahan penyelidikan dengan utuh dan terperinci yang merujuk kepada subjek kajian.

3.1. KAWASAN KAJIAN

Pada masa silam Bandar Pekanbaru ini hanya berupa dusun kecil bernama Payung Sekaki yang terletak di pinggir Sungai Siak. Dusun kecil itu kemudian dikenal juga dengan sebutan Dusun Senapelan (Profil Bandar Pekanbaru, 2007). Desa ini seterusnya mengalami kemajuan yang tinggi, terlebih setelah lokasi pasar (pekan) lama pindah ke seberang pada tanggal 23 Jun 1784. Seterusnya wujudlah pasar baru yang identik dengan sebutan “pekan baru”, nama yang sehingga kini dipakai untuk menyebut Bandar Pekanbaru (Profil Bandar Pekanbaru, 2007). Sejak dahulu aktiviti perniagaan telah ramai di Bandar ini. Sungai Siak yang membelah Bandar menjadi jalur pelayaran strategik ke dan dari beberapa Bandar pantai di Provinsi Riau dan juga luar Riau. Sungai ini juga punya peran penting sebagai jalur perniagaan antar pulau dan juga ke luar negara, terutama Malaysia dan Singapura. Letak Bandar pun strategik, berada di segi tiga pertumbuhan Indonesia-Malaysia-Singapura, dan di jalur lalu lintas angkutan lintas timur Sumatera.

Bandar Pekanbaru ialah pusat pemerintahan dan Bandar terbesar di Provinsi Riau, Indonesia. Bandar Pekanbaru merupakan Bandar perkhidmatan. Pelabuhan Udara Sultan Syarif Kasim II serta dua pelabuhan di Sungai Siak, iaitu pelabuhan Pelita Pantai dan pelabuhan Sungai Duku, merupakan pintu gerbang Bandar Pekanbaru. Nama Pekanbaru dahulunya dikenal dengan nama “Senapelan” yang pada saat itu dipimpin oleh seorang Kepala Suku yang disebut Batin. Daerah yang mulanya sebagai ladang, seterusnya menjadi perkampungan. Kemudian perkampungan Senapelan berpindah ke tempat pemukiman baru yang kemudian disebut Dusun Payung Sekaki yang terletak ditepi muara Sungai Siak. Bandar ini mulai menjadi



kekuasaan Sultan Abdul Jalil Alamudin Syah, yang kemudian diteruskan oleh putranya Raja Muda Muhammad Ali.

Selanjutnya, pada tanggal 23 Jun 1784, berasaskan musyawarah datuk-datuk empat suku (Pesisir, Lima Puluh, Tanah Datar, dan Kampar), kawasan ini dinamai dengan Pekanbaru. Berdasarkan SK Kerajaan, iaitu *Besluit van Inlanche Zelf Destuur van Siak* No.1 tanggal 1 Oktober 1919, Pekanbaru menjadi bagian dari Kesultanan Siak dengan sebutan distrik.

Pada tahun 1931, Pekanbaru dimasukkan ke dalam kawasan Kampar Kiri yang dikepalai oleh seorang *controleur* yang berkedudukan di Pekanbaru dan berstatus *landschap* sehingga tahun 1940. Kemudian menjadi ibu Bandar *Onderafdeling Kampar Kiri* sehingga tahun 1942. Setelah pendudukan Jepang pada tanggal 8 Mac 1942, Pekanbaru dikepalai oleh seorang gubernur militer yang disebut *Gokung*.

Kemudian, berdasarkan Undang-undang nomor 22 tahun 1948, kabupaten Kampar dan Bandar Pekanbaru ditetapkan statusnya sebagai *Bandar kecil*, dan menjadi *Bandar praja* setelah keluarnya Undang-undang nomor 1 Tahun 1957. Pada tanggal 20 Januari 1959 berasaskan Keputusan Menteri Dalam Negeri nombor 52/I/44-25 Bandar Pekanbaru rasmi menjadi ibu Bandar provinsi Riau, yang mana ibu Bandar provinsi Riau sebelumnya ialah Tanjung Pinang (kini menjadi ibu Bandar provinsi Kepulauan Riau).

Berikut ini ialah perkembangan tentang pemerintahan di Bandar Pekanbaru antara lain sebagai berikut:

1. SK Kerajaan *Besluit van Her Inlanche Zelf Bertuur van Siak* No.1 tanggal 19 Oktober 1919, Pekanbaru bahagian dari Kerajaan Siak yang disebut *District*.
2. Tahun 1913 Pekanbaru masuk wilayah Kampar Kiri dikepalai oleh seorang *Controleur* berkedudukan di Pekanbaru.
3. Tanggal 8 Mac 1942 Pekanbaru dikepalai oleh seorang Gubernur Militer disebut *Gokung*, Distrik menjadi Gun dikepalai oleh *Gunco*.
4. Ketetapan Gubernur Sumatera di Medan tanggal 17 Mei 1946 No.103 Pekanbaru dijadikan daerah otonom yang disebut *Haminte* atau Bandar b.
5. UU No.22 tahun 1948 Bandar Pekanbaru diganti dengan Kabupaten Kamnar Bandar Pekanbaru diberi status Bandar Kecil.



6. UU No.8 tahun 1956 menyempurnakan status Bandar Pekanbaru sebagai Bandar kecil.
7. UU No.1 tahun 1957 status Pekanbaru menjadi Bandar Praja.
8. Kepmendagri No. Desember 52/I/44-25 tanggal 20 Januari 1959 Pekanbaru menjadi ibu Bandar Propinsi Riau.
9. UU No.18 tahun 1965 Pekanbaru resmi menggunakan sebutan Bandar madya.
10. UU No.22 tahun 1999 tentang Pemerintahan Daerah sebutan Bandar madya berubah menjadi Bandar.

Secara geografis Bandar Pekanbaru memiliki posisi strategik berada pada jalur lintas timur Sumatera, yang terhubung dengan beberapa Bandar seperti Medan, Padang dan Jambi. Bandar ini dipisahkan oleh sungai Siak yang mengalir dari barat ke timur dan berada pada ketinggian berkisar antara 5 – 50 meter di atas permukaan laut. Bandar ini termasuk beriklim tropik dengan suhu udara maksimum antara 34.1 °C sehingga 35.6 °C, dan suhu minimum 20.2 °C sehingga 23.0 °C.

Sebelum tahun 1960 Pekanbaru hanyalah Bandar dengan luas 16 km² yang kemudian bertambah menjadi 62,96 km² dengan 2 kecamatan yaitu kecamatan Senapelan dan Kecamatan Limapuluh. Selanjutnya tahun 1965 menjadi 6 kecamatan, tahun 1987 menjadi 8 kecamatan dengan luas wilayah administrasi bertambah menjadi 446,50 km² dan setelah pematokan ulang menjadi luas sekarang ini, menjadi 12 kecamatan. Dengan meningkatnya kegiatan pembangunan menyebabkan meningkatnya kegiatan penduduk disegala bidang yang pada akhirnya meningkatkan pula tuntutan dan keperluan masyarakat terhadap penyediaan fasilitas dan utiliti perbandaran serta keperluan lainnya.

Untuk lebih terciptanya tertib pemerintahan dan pembinaan kawasan yang cukup luas, maka dibentuklah Kecamatan Baru dengan Perda Bandar Pekanbaru No.4 tahun 2003 menjadi 12 Kecamatan dan Kelurahan/Desa baru dengan Perda tahun 2003 menjadi 58 Kelurahan/Desa. Bandar Pekanbaru sebagai pusat pemerintahan dan ibukota Provinsi Riau bersempadan dengan:

- Sebelah utara bersempadan dengan Kabupaten Siak dan Kabupaten Kampar.
- Sebelah selatan bersempadan dengan Kabupaten Kampar dan Kabupaten Pelalawan.
- Sebelah timur bersempadan dengan Kabupaten Siak dan Kabupaten Pelalawan.
- Sebelah barat bersempadan dengan Kabupaten Kampar.

Bandar Pekanbaru selain berfungsi sebagai pusat Pemerintahan Propinsi Riau, juga berfungsi sebagai pusat pembangunan pada pelbagai sektor antara lain sektor perindustrian, perniagaan, pendidikan dan sebagainya. Ditinjau dari letak geografis maka daerah Bandar Pekanbaru mempunyai letak strategik yang terletak di tengah-tengah Pulau Sumatera.

Bandar Pekanbaru sebagai pusat pemerintahan Provinsi Riau berada tepat di tengah-tengah Provinsi Riau. Secara geografis posisi Bandar Pekanbaru sangat strategis. Bandar Pekanbaru terbagi kedalam 12 kecamatan, iaitu:

1. Kecamatan Tampan.
2. Kecamatan Payung Sekaki.
3. Kecamatan Bukit Raya.
4. Kecamatan Marpoyan Damai.
5. Kecamatan Tenayan Raya.
6. Kecamatan Lima Puluh.
7. Kecamatan Sail.
8. Kecamatan Pekanbaru Kota.
9. Kecamatan Sukajadi.
10. Kecamatan Senapelan.
11. Kecamatan Rumbai.
12. Kecamatan Rumbai Pesisir.



Kecamatan dimaksud merupakan wilayah administratif yang dikepalai oleh seorang camat sebagai perpanjangan tangan walikota.

3.2. KEPENDUDUKAN

Penduduk merupakan unsur penting dalam aktiviti ekonomi dan usaha membangun suatu perekonomian. Baik sebagai hala tuju dalam perencanaan mahupun dalam melakukan evaluasi terhadap keberhasilan dan kegagalan suatu pembangunan. Penduduk juga merupakan faktor terpenting dalam dinamika pembangunan kerana manusia sebagai modal asas dan juga sebagai objek dari pembangunan itu sendiri, sekaligus merupakan subjek ekonomi yang memegang peranan penting dalam pembangunan ekonomi nasional. Apabila ditinjau dari penyebaran penduduk di Bandar Pekanbaru sangat pelbagai, dimana ada dijumpai suatu kecamatan yang memiliki jumlah penduduk yang padat, tetapi sebaliknya ada juga jumlah kecamatan yang memiliki jumlah penduduk yang sedikit. Bahkan penyebaran penduduk ini tidak tergantung kepada luas kawasan yang terdapat di setiap kecamatan.

Secara amnya penduduk lebih senang memilih duduk ditempat yang dekat dengan pusat bandar, sehingga wajar sahaja apabila banyak di kecamatan yang terletak di pusat bandar jumlah penduduknya lebih banyak dengan kecamatan yang ada di pinggiran Bandar Pekanbaru. Penduduk Bandar Pekanbaru berdasarkan hasil Sensus Penduduk tahun 2000 berjumlah 585,440 orang, terdiri dari laki-laki 298,464 orang dan perempuan 286,976 orang. Dalam bab ini disajikan data jumlah penduduk menurut hasil registrasi tahun 1999 sebanyak 531,635 orang dan tahun 2000 sebanyak 586,588 orang (10.27%). Untuk mengetahui dengan jelas penyebaran penduduk yang terjadi berasaskan kepada luas kawasan yang dimiliki oleh masing-masing kecamatan di Bandar Pekanbaru dapat dilihat pada jadual berikut:

Jadual 3.1 Distribusi Penduduk Menurut Kecamatan di Bandar Pekanbaru

No.	Kecamatan	Luas (M ²)	%	Jumlah Penduduk	%	Kepadatan
1.	Tampan	59,81	9,46	93.409	12,38	1,562
2.	Payung Sekaki	43,24	6,84	70,139	9,30	1,622
3.	Bukit Raya	22,05	3,49	80,401	10,66	3,646
4.	Marpoyan Damai	29,74	4,70	116,563	15,45	3,919
5.	Tenayan Raya	171,27	27,09	93,231	12,36	0,544
6.	Lima Puluh	4,04	0,64	44,173	5,85	10,934
7.	Sail	3,26	0,52	23,071	3,06	7,077
8.	Pekanbaru Kota	2,26	0,36	31,016	4,11	13,724
9.	Sukajadi	3,76	0,59	53,777	7,13	14,302
10.	Senapelan	6,65	1,05	38,246	5,07	5,751
11.	Rumbai	128,85	20,38	48,306	6,40	0,375
12.	Rumbai Pesisir	157,33	24,88	62,135	8,24	0,395

Sumber: BPS Bandar Pekanbaru, 2012

Jadual 3.1 menjelaskan bahawa luas kawasan yang dimiliki oleh masing-masing kecamatan di Bandar Pekanbaru tidaklah sama, dimana ada sebuah kecamatan yang dijumpai memiliki luas yang besar tetapi ada juga kecamatan yang memiliki luas yang kecil. Kecamatan terluas di Bandar Pekanbaru ialah Kecamatan Tenayan Raya dan Kecamatan Rumbai Pesisir, kedua kecamatan ini merupakan kecamatan yang baru dibentuk pada tahun 2003 dan juga merupakan kecamatan di daerah pinggiran Bandar Pekanbaru. Sedangkan untuk jumlah penduduk yang terbanyak terdapat di Kecamatan Marpoyan Damai iaitu berjumlah 116,563 orang, dimana kecamatan ini juga merupakan salah satu kecamatan yang baru dibentuk pada tahun 2003 namun kerana letaknya strategik dan kawasan hunian yang baik sehingga memiliki jumlah penduduk yang terbesar. Sedangkan daerah yang memiliki kepadatan yang tinggi ialah Kecamatan Sukajadi, kondisi ini wajar sahaja kerana kecamatan ini merupakan salah satu kecamatan tertua dan daerahnya terletak dekat dengan pusat bandar dan pemerintahan.

Berdasarkan registrasi penduduk Bandar Pekanbaru tahun 2012 diketahui rata-rata anggota orang per kepala keluarga sebanyak 4,0 orang. Untuk lebih jelasnya data jumlah penduduk, jumlah kepala keluarga dan rata-rata orang per keluarga dapat dilihat pada jadual sebagai berikut:

Jadual 3.2 Purata Anggota Orang Per Kepala Keluarga Dalam Bandar Pekanbaru Dirinci per Kecamatan Tahun 2012

Kecamatan	Jumlah Penduduk	Jumlah Kepala Keluarga	Rata-rata Orang Per Kepala Keluarga
Tampan	93,409	20,061	5,0
Payung Sekaki	70,139	13,858	5,0
Bukit Raya	80,401	16,019	5,0
Marpoyan Damai	116,563	30,027	4,0
Tenayan Raya	93,231	23,003	4,0
Lima Puluh	44,173	8,779	5,0
Sail	23,071	6,107	4,0
Pekanbaru Kota	31,016	6,003	5,0
Sukajadi	53,777	13,444	4,0
Senapelan	38,246	7,398	5,0
Rumbai	48,306	11,488	4,0
Rumbai Pesisir	62,135	13,770	5,0

Sumber: BPS Bandar Pekanbaru, 2012

Jadual 3.2 menerangkan bahawa jumlah purata orang yang terdapat didalam satu keluarga secara amnya ialah 4 orang sampai dengan 5 orang. Ini menerangkan bahawa di Bandar Pekanbaru setiap kepala keluarga memiliki anggota sebanyak 4 orang dan 5 orang yang terdiri dari ayah, ibu, 2 orang anak serta kemungkinan ada anggota keluarga lain. Kecamatan yang mempunyai anggota keluarga yang besar ialah Kecamatan Tampan, Kecamatan Payung Sekaki, Kecamatan Bukit Raya, Kecamatan Pekanbaru Bandar, Kecamatan Senapelan dan Kecamatan Rumbai Pesisir. Kerana penduduknya stabil iaitu penduduk yang sudah menetap dalam jangka waktu yang lama, sedangkan untuk kecamatan lainnya ialah lebih didominasi oleh masyarakat pendatang. Dari data yang diperoleh melalui buku statistik Pekanbaru dalam angka terlihat bahawa agihan penduduk berasaskan kepada kelompok umur yang dibezakan dengan jenis kelamin didominasi oleh jenis kelamin laki-laki, dengan jumlah 380,993 juta atau dengan angka ratio jenis kelamin ialah 104, dimana dari 100 perempuan ada 104 laki-laki. Ratio yang tertinggi ada pada

ada pada kelompok



umur 25 – 29 tahun dan 45 – 49 tahun. Untuk detailnya dapat dilihat pada jadual berikut ini:

Jadual 3.3 Distribusi Penduduk Berdasarkan Kelompok Umur Di Bandar Pekanbaru

Kelompok Umur (tahun)	Laki-laki	Perempuan	Total	Ratio
0 – 4	46,672	36,414	83,086	1,28
5 – 9	37,452	37,011	74,463	1,01
10 – 14	36,156	35,816	71,972	1,00
15 – 19	35,089	33,687	68,776	1,04
20 – 24	39,280	44,219	83,499	0,88
25 – 29	33,908	41,232	75,140	0,82
30 – 34	31,661	35,815	67,477	0,88
35 – 39	31,318	24,238	55,556	1,29
40 – 44	25,222	24,463	49,685	1,03
45 – 49	20,307	24,724	45,031	0,82
50 – 54	14,973	13,781	28,754	1,08
55 – 59	10,058	6,125	16,183	1,64
60 – 64	7,429	6,872	14,301	1,08
65 – 69	5,410	3,399	8,809	1,59
70 – 74	3,277	2,876	6,153	1,14
75 tahun keatas	2,781	2,801	5,582	0,99

Sumber: BPS Bandar Pekanbaru, 2012

Secara teoretik pada usia di bawah 4 tahun (balita), jumlah anak laki-laki lebih besar dari jumlah anak perempuan. Namun pada usia 20 – 35 tahun jumlah remaja laki-laki selalu lebih rendah dari jumlah remaja perempuan. Selanjutnya pada usia tua, perempuan kembali mendominasi struktur umur penduduk. Terjadinya variasi ini terutama secara alamiah, namun disisi lain juga dipengaruhi oleh mobiliti penduduk. Kemungkinan sekali remaja laki-laki di Bandar Pekanbaru lebih banyak melanjutkan pendidikan di luar daerah daripada remaja perempuan sampai mereka mendapatkan pekerjaan pada usia 30 – 34 tahun, mereka masih tetap berada di luar Bandar Pekanbaru.

Apabila dibandingkan dengan jumlah penduduk pada tahun 1999 dengan tahun 2000 dari 8 (delapan) Kecamatan di Bandar Pekanbaru, maka kepadatan penduduk terbesar ialah di Kecamatan Sukajadi yakni 12,042 orang setiap km², sedangkan yang terkecil di Kecamatan Rumbai iaitu 323 orang setiap km².



3.3. VISI DAN MISI

Visi Bandar Pekanbaru yang dirumuskan untuk menuju tahun 2020 ialah

“... Terwujudnya Bandar Pekanbaru Sebagai Pusat Perdagangan dan Jasa, Pendidikan serta Pusat Kebudayaan Melayu, Menuju Masyarakat Sejahtera yang Berdasarkan Iman dan Taqwa”.

Visi tersebut diatas mengandung makna sebagai berikut:

1. Pusat Perdagangan dan perkhidmatan, dimana keadaan masyarakat Bandar Pekanbaru yang diinginkan dalam 2 dekad kedepan Pemerintah Bandar Pekanbaru dengan sokongan padu masyarakatnya yang dinamik akan selalu berusaha semaksimal mungkin untuk dapat mewujudkan Bandar Pekanbaru menjadi pusat perdagangan dan perkhidmatan terunggul di kawasan Sumatera.
2. Pusat Pendidikan, pemerintah Bandar Pekanbaru kedepan akan selalu berusaha untuk memberdayakan masyarakatnya agar dapat agar dapat berperanan secara aktif meningkatkan kualiti sumber manusia dalam rang menciptakan pembangunan manusia seutuhnya. Pemerksaan sumber manusia lebih diarahkan kepada terwujudnya sarana dan prasarana pendidikan formal dan non-formal dibidang keahlian dan kejuruan yang terpadu diikuti dengan upaya penyiapan sarana dan prasarana pra pendidikan sampai perguruan tinggi. Dengan langkah tersebut sangat diharapkan dalam 20 tahun kedepan di Bandar Pekanbaru akan dapat tersedia sarana pendidikan yang lengkap dan unggul.
3. Pusat Kebudayaan Melayu merupakan refleksi dari peradapan tatanan nilai-nilai budaya masyarakat Bandar Pekanbaru yang mantap dalam mempertahankan, melestarikan, menghayati, mengamalkan serta menumbuhkembangkan budaya Melayu. Kehendak menjadikan Bandar Pekanbaru sebagai pusat kebudayaan Melayu antara lain akan diarahkan kepada tampilnya identiti fisik bangunan yang mencerminkan kepribadian daerah, adanya kawasan beridentiti adat Melayu serta makin mantapnya kehidupan dapat digali dari nilai-nilai luhur Melayu.



4. Masyarakat Sejahtera merupakan salah satu tujuan kehidupan masyarakat Bandar Pekanbaru pada 20 tahun kedepan. Dalam kondisi ini dicita-citakan masyarakat akan dapat hidup di persekitaran yang relatif aman, bebas dari rasa takut dan serba kecukupan zahir batin secara seimbang dan selaras baik material mahupun spiritual yang didukung dengan terpenuhinya kualiti gizi, kesihatan, kebersihan dan lingkungan.
5. Berlandaskan iman dan taqwa merupakan landasan spiritual moral, norma dan etika dimana masyarakat pada kondisi tertentu mempunyai pikiran, akal sehat dan daya tangkal terhadap segala sesuatu yang merugikan dengan memperkukuh sikap dan perilaku individu melalui pembinaan agama bersama-sama yang tercermin dalam kehidupan yang harmonis, seimbang dan selaras.

Secara administrasi Bandar Pekanbaru dipimpin oleh Walibandar dan bertanggung jawab langsung kepada Gabenor Provinsi Riau. Bandar Pekanbaru didalam melaksanakan pemerintahan dan pembangunan menjadi harapan untuk dapat menjawab setiap permasalahan dan cabaran yang wujud sesuai dengan perkembangan sosial ekonomi, politik dan lainnya dalam masyarakat. Keberadaan Bandar Pekanbaru merupakan bahagian daripada dasar dekonsentrasi sebagaimana dimaksud dalam Undang-undang No. 5 Tahun 1974 tentang Pokok-pokok Pemerintahan di Daerah. Bandar Pekanbaru dibahagi keatas 8 (delapan) Kecamatan yang terdiri dari 50 Desa/ Kelurahan, kemudian jumlah kecamatan meningkat pada tahun 2002 menjadi 12 kecamatan. Bandar Pekanbaru secara administrasi dipimpin oleh seorang walibandar untuk masa jabatan 5 tahun.

Kapasiti pengurusan publik merupakan indikator utama dalam kompetensi pemerintah yang efektif dalam melaksanakan pembangunan. Dalam hal ini pemerintah Bandar Pekanbaru di masa kepemimpinannya walibandar Herman Abdullah termasuk berhasil dalam menertibkan sistem birokrasi pemerintahannya, sehingga mampu meningkatkan kinerja dalam memberikan layanan kepada masyarakatnya.

Namun pada tahun 2010 berdasarkan survei persepsi Bandar-Bandar di seluruh Indonesia oleh *Transparency International Indonesia* (TII),



Bandar ini termasuk Bandar terasuah di Indonesia bersama dengan Bandar Cirebon, hal ini dilihat dari dari Indeks Persepsi Korupsi Indonesia (IPK-Indonesia) 2010 yang merupakan pengukuran tingkat rasuah pemerintah daerah di Indonesia, Bandar ini sama-sama mendapat nilai IPK sebesar 3,61, dengan rentang indeks 0 sampai 10,0 berarti dipersepsikan sangat rasuah, sedangkan 10 berarti bersih.

Total responden yang ditemu bual dalam survei yang dilakukan pada bulan Mei dan Oktober 2010 ialah 1,440 responden, yang terdiri dari 480 pengerusi UEK – SP dan 960 masyarakat yang mengikuti program. Berasaskan peraturan daerah (Perda) Bandar Pekanbaru nomor 12 tahun 2008, pemerintah Bandar telah menetapkan pelarangan bagi masyarakat untuk melakukan pengemisan di tempat am dan di lebuah raya, jalur hijau, persimpangan lampu merah dan jambatan penyeberangan serta melarang setiap orang untuk memberikan sumbangan dalam bentuk uang atau barang kepada gelandangan dan pengemis di lebuah raya, jalur hijau, persimpangan lampu merah dan jambatan penyeberangan atau di tempat-tempat am. Untuk mengantisipasi beberapa penyelewengan dan kecenderungan penyimpangan yang terjadi di pemerintah dan sekitar perkembangan Bandar Pekanbaru, pemerintah Bandar Pekanbaru melakukan pembenahan-pembenahan yang dianggap penting dalam menjalankan pemerintahannya di segala sektor. Mulai dari sektor perekonomian, sosial, industri, pelayanan publik, dan lain-lain.

Rencana Pembangunan Jangka Menengah (RPJM) Bandar Pekanbaru 2007 – 2011 yang dimaksudkan sebagai dokumen perencanaan pembangunan yang memberikan arah dasar keuangan daerah, strategi pembangunan daerah, dasar umum, program pembangunan daerah serta sasaran-sasaran strategik yang ingin dicapai selama 5 (lima) tahun kedepan. Dengan demikian RPJM Bandar Pekanbaru menjadi landasan bagi semua dokumen perencana baik rencana pembangunan tahunan pemerintah daerah mahupun dokumen perencanaan Satuan Kerja Pemerintah Daerah Bandar Pekanbaru.

Tujuan penyusunan RPJM Bandar Pekanbaru 2007 – 2011 ialah untuk menjabarkan visi, misi dan program Walibandar Pekanbaru periode 2006 – 2011. Di era pemilihan kepala daerah secara langsung, janji-janji politik di masa kempen harus dipertanggungjawabkan. Sebagai konsekuensinya apabila calon kepala daerah tersebut terpilih, maka janji-janji tersebut harus dirumuskan sebagai perencanaan pembangunan dan direalisasikan dalam



Selain itu RPJM juga sebagai sarana untuk menampung kemahuan masyarakat dan membangun kesepakatan antar *'stake holders'* untuk menentukan arah pembangunan Bandar Pekanbaru di masa yang akan datang yang penyusunannya berasaskan kepada RPJM Nasional dan Rencana Strategik Propinsi Riau. Banyak pihak mempercayai, perkembangan Pekanbaru yang sedemikian pesat, dikeranakan perkembangan sektor properti, konsumsi, dan perbankan. Hal ini dapat dibuktikan dengan pembangunan pusat membeli belah (mal) baru seperti Mal Pekanbaru (2003), Mal Ciputra Seraya (2004), Mal SKA (2005), dan Giant (2009).

Belum lagi dengan banyaknya dibangun hotel-hotel baru seperti Hotel Grand Jatra (bintang 4) pada tahun 2003, Hotel Ibis (bintang 3) pada tahun 2004, Hotel Quality (bintang 4) pada tahun 2006, Hotel Aston (bintang 3) pada tahun 2007 dan lain-lain.

Memang seluruh Bandar di Indonesia sedang laju membangun, tapi pembangunan di Bandar Pekanbaru berada dalam tahap memberangsangkan, kerana hampir dikatakan semua pembangunan terjadi diatas tahun 2003. Dan yang paling memberangsangkan lagi ialah pembangunan di Bandar Pekanbaru yang sedemikian pesatnya dapat dicapai hanya dengan populasi 717 ribu orang sahaja.

Perolehan lain yang memberi kesan positif ialah pekanbaru merupakan predikat Bandar besar terbersih dengan mendapatkan piala ADIPURA pada tahun 2007. Bukan itu sahaja, bahkan jalan Jendral Sudirman pun dianugrahi sebagai jalan Protokol Terbersih untuk kategori Bandar besar. Pasar Bawah pun mendapat anugrah sebagai pasar tradisional terbersih untuk kategori Bandar besar.

Pekanbaru juga memiliki pelabuhan udara yang bernama Sultan Syarif Kasim II. Dimana pelabuhan udara ini antara pelabuhan udara tersibuk kedua di Pulau Sumatra setelah pelabuhan udara Polonia (Medan). Jumlah penumpang tahunan di bandara ini telah melebihi 1,6 juta pada tahun 2005. Hal ini dapat dibuktikan di situs Angkasapura II. Sungguh mengesankan, kerana ternyata pelabuhan udara Pekanbaru lebih sibuk dari pada pelabuhan udara di Padang ataupun Palembang.



3.4. PEREKONOMIAN

Bandar Pekanbaru pada triwulan I tahun 2010 mengalami peningkatan inflasi sebesar 0.79 %, dibandingkan dengan triwulan sebelumnya yang mencapai 0.30 %. Berdasarkan kelompoknya, inflasi terjadi hampir pada semua kelompok barangan dan perkhidmatan kecuali kelompok sandang dan kelompok kesihatan yang pada triwulan laporan mengalami deflasi masing-masing sebesar 0.88 % dan 0.02 %. Secara tahunan inflasi Bandar Pekanbaru pada bulan Mac 2010 tercatat sebesar 2.26 %, terus mengalami peningkatan sejak tahun 2010 iaitu 2.07 % pada bulan Januari 2010 dan 2.14 % pada bulan Februari 2010. Menurut data statistik Indonesia, Pekanbaru berpenduduk sekitar 717 ribu orang.

Walau bagaimanapun, PDRB-nya ialah yang tertinggi kedua di Pulau Sumatera. Padahal secara populasi Pekanbaru hanya berada di peringkat kelima di Sumatera (setelah Medan, Palembang, Padang, dan Bandar Lampung). Banyak pihak menduga, PDRB Bandar Pekanbaru disokong oleh sektor migas, namun hal tersebut telah dibuktikan tidak benar adanya. Berdasarkan situs di atas PDRB Pekanbaru bergantung pada sektor non-migas. Itu berarti Bandar Pekanbaru telah berjaya menjadi suatu pusat bisnis, yang bahkan lebih kuat dari Palembang atau Padang (walaupun populasi kedua Bandar tersebut lebih besar).

Di bidang kewangan daerah, perolehan kewangan Daerah Bandar Pekanbaru selama lima tahun terakhir, baik secara absolut mahupun relatif selalu mengalami peningkatan, iaitu dari Rp 346,226,974,774,- (2001) menjadi Rp 833,930,921,527,- (2005), atau rata-rata tiap tahunnya mengalami peningkatan sekitar 24.67 %. Peningkatan perolehan kewangan daerah yang relatif besar terjadi sejak tahun 2001 sebagai dampak dilaksanakannya otonomi daerah sebagai amanat Undang-undang Nomor 22 Tahun 1999 tentang pemerintahan daerah serta Undang-undang Nomor 23 tahun 1999 tentang Keuangan Daerah.

Komponen perolehan kewangan Asli Daerah (PAD), meskipun selama 5 tahun terakhir peranannya masih pada posisi ke-2 setelah Dana Perimbangan, namun memiliki perkembangan (trend) yang terus meningkat dari tahun ke tahun untuk 5 tahun terakhir, rincian dapat dilihat pada jadual berikut:



Jadual 3.4 Pendapatan Asli Daerah (2005 – 2009)

TA	KOMPONEN PAD				JUMLAH
	Pajak Daerah	Retribusi Daerah	Bagian Laba BUMD	Lain-lain PAD Yang Sah	
2005	46,745,678,201	29,243,014,389	533,426,176	10,423,036,805	86,945,155,571
2006	49,901,091,156	31,785,807,152	2,271,665,385	20,503,760,121	104,462,323,814
2007	56,281,863,547	36,394,556,449	3,625,679,240	12,737,034,452	109,039,133,688
2008	60,622,242,084	43,514,654,371	1,915,654,343	12,692,616,905	118,745,167,703
2009	69,865,355,922	43,689,809,201	2,766,101,441	13,538,699,381	129,859,965,945

Sumber: BPK-RI Pwk Provinsi Riau, 2012

Data jadual, jelas terjadi kenaikan PAD dalam kurun waktu 5 tahun terakhir iaitu tahun 2005 hanya sebesar Rp 86,945,155,571,- akhirnya pada tahun 2009 menjadi sebesar Rp 129,859,965,945,-. Kondisi tersebut lebih disokong oleh adanya kenaikan yang dialami oleh dua komponen yang ada dalam PAD, iaitu : Pajak Daerah dan Retribusi Daerah, sedangkan untuk sub komponen Bagian Laba BUMD dan lain-lain PAD yang sah mengalami fluktuasi. Peningkatan sub komponen Pajak Daerah dan Retribusi daerah menunjukkan bahawa masyarakat Bandar Pekanbaru berpartisipasi untuk membiayai pembangunan Bandar Pekanbaru.

Untuk Komponen Dana Perimbangan dari pemerintah pusat, peranannya selama 5 tahun terakhir (2005–2009) yang merupakan bagian Pendapatan Daerah cenderung menunjukkan peningkatan, rincian dapat dilihat pada jadual berikut:

Jadual 3.5 Trend Dana Perimbangan (2005 – 2009)

TA	KOMPONEN DANA PERIMBANGAN				JUMLAH
	DAU	DAK	DBH-PAJAK	DBH-SDA	
2005	171,345,000,000	2,038,180,300	66,939,824,281	289,298,910,014	529,261,914,595
2006	217,386,999,996	16,395,000,000	90,850,250,00	398,502,137,745	723,134,387,741
2007	327,161,000,000	50,029,000,000	95,855,741,578	311,736,987,325	784,782,728,903
2008	351,339,422,800	10,935,041,375	130,113,331,676	419,633,244,053	912,021,012,904
2009	340,970,891,000	8,137,000,000	130,778,361,295	260,291,834,368	740,178,086,663

Sumber : BPK-RI Pwk Provinsi Riau, 2012

Data jadual 3.5, jelas bahawa dana perimbangan dari pemerintah pusat dalam kurun waktu 5 tahun terakhir mengalami fluktuasi, dimana total dana perimbangan dari tahun 2005 sehingga tahun 2008 selalu meningkat, namun



terjadi penurunan yang drastis pada tahun 2009. Peningkatan selalu terjadi pada komponen dana perimbangan DBH-pajak, sedangkan komponen dana perimbangan lainnya mengalami fluktuasi. Namun penurunan drastis atas total dana perimbangan yang terjadi pada tahun 2009 disebabkan kerana menurun secara drastiknya penerimaan DBH-SDA iaitu dari tahun 2008, iaitu realisasi DBH-SDA Tahun 2009 turun sebesar Rp 159,341,409,685,- atau 37.97 % dari realisasi Tahun 2008.

Beberapa hal yang dapat ditarik dari perkembangan fenomena perolehan kewangan daerah tersebut ialah sebagai berikut:

1. Realisasi PAD secara total mengalami peningkatan dalam kurun waktu 5 tahun dengan rata-rata peningkatan 8.37 %, namun peningkatan PAD yang cukup signifikan terjadi pada tahun 2006, iaitu meningkat sebesar 20.14 % berbanding dengan 2005. Peningkatan yang terjadi harus tetap dijaga dengan melaksanakan intensifikasi dan ekstensifikasi sumber-sumber perolehan kewangan Asli Daerah tanpa mengabaikan kepentingan jangka panjang, iaitu meningkatkan peluang pelaburan dan peluang pekerjaan bagi masyarakat.
2. Realisasi dana perimbangan secara total, dalam kurun waktu 4 tahun pertama selalu meningkat, hal tersebut terutama disebabkan oleh peningkatan DAU dan DBH-SDA. Namun untuk jangka panjang sumber perolehan kewangan ini bisa menurun mengingat Sumber Daya Alam di Provinsi Riau yang utama ialah minyak bumi yang merupakan sumber daya alam tidak dapat diperbaharui (*unrenewable natural resources*), sehingga pada waktunya nanti akan habis. Berpijak dari hal tersebut, kedepan komponen dana perimbangan akan sangat ditentukan oleh DBH-Pajak.

3.5. METODE KAJIAN

Kajian ini difokuskan pada Program Pemerksaan Masyarakat miskin melalui Program UEK-SP di Bandar Pekanbaru Provinsi Riau. Dipilihnya Bandar Pekanbaru sebagai kawasan kajian kerana Bandar Pekanbaru merupakan pusat bandar dan sebagai ibukota Provinsi Riau. Penduduk Bandar Pekanbaru cukup ramai bila dibandingkan dengan bandar lain di Provinsi Riau. Kemudian tingkat migrasi masuk cukup tinggi dan penduduk



miskin cukup ramai. Kawasan kajian yang dipilih boleh menghasilkan suatu temuan yang sangat relevan terhadap pemeraksanaan masyarakat. Kajian ini bertumpu pada pengurus UEK–SP sebagai pihak yang memperkasakan masyarakat dan masyarakat miskin sebagai pihak yang diperkasakan.

Untuk memperoleh data, maka ditetapkan 1 orang informan kunci (*key informan*) iaitu: koordinator daerah Bandar Pekanbaru. Kerana ianya orang yang sangat faham dengan Program UEK–SP berkenaan. Sedangkan informan lainnya ialah: ketua pengerusi Program UEK–SP, ketua Lembaga Pemeraksanaan Masyarakat (LPM), pendamping pelaksana Program dan 2 orang pemanfaat yang terdiri dari seorang yang berhasil diperkasakan dan 1 orang lagi yang gagal diperkasakan. Dengan demikian jumlah informannya ialah 6 orang untuk masing-masing pengelola Program UEK-SP. Informan ini dipilih secara sengaja kerana ianya orang-orang yang terlibat langsung dengan program pemeraksanaan masyarakat terbabit.

Di samping informan, kajian ini juga memerlukan responden yang ditetapkan sebanyak 1,440 orang, yang terdiri dari 480 orang pihak yang memperkasakan, selanjutnya 960 orang ditetapkan dari pihak yang diperkasakan yang terdiri dari 480 orang yang berjaya diperkasakan dan 480 orang lagi dari yang gagal diperkasakan. Sampel ini diambil 10% dari populasi iaitu 9,600 orang masyarakat yang diperkasakan. Untuk memperoleh data, baik data primer mahupun data sekunder dilakukan dengan dua cara, iaitu dengan temu bual yang dilakukan terhadap informan dan melalui pengedaran borang kepada responden.

Data primer pula diperoleh melalui dua cara iaitu data dari hasil temu bual dengan informan seperti data tentang proses, prosedur dan yang berhubung kait dengan pemeraksanaan masyarakat. Data diperoleh melalui borang kaji selidik yang diedarkan kepada responden. Data dimaksud berupa data pemeraksanaan masyarakat yang berhubung kait dengan pemeraksanaan dalam bentuk wang, kemahiran dan pengurusan.

Disamping data yang berhubung kait dengan indikator pemeraksanaan dan faktor-faktor penghindar pemeraksanaan. Data sekunder melibatkan data dan maklumat yang diperoleh dari pada bahan-bahan yang diterbitkan termasuk jurnal, dokumen-dokumen tentang UEK–SP serta segala jenis data yang berhubung kait dengan proses pemeraksanaan masyarakat, aturan-aturan hukum dan lain-lain.



3.7. ANALISIS DATA

Kajian dalam penyelidikan berkenaan dilakukan dengan dua macam pendekatan, iaitu pendekatan kuantitatif dan pendekatan kualitatif. Pendekatan kuantitatif dimaksudkan untuk menjelaskan fenomena pemeraksanaan masyarakat melalui UEK-SP di Bandar Pekanbaru Provinsi Riau. Data dimaksud diperoleh melalui pengedaran borang kepada responden dengan ukuran data memakai skala likert dengan tiga kategori penilaian, iaitu baik, sedang dan buruk. Pendekatan kualitatif dilakukan untuk memperoleh data melalui cerapan dan temu bual dengan informan dengan senarai borang pertanyaan yang telah disiapkan. Kedua-dua pendekatan ini berusaha untuk menjelaskan proses pemeraksanaan masyarakat, perkembangan pemeraksanaan masyarakat dan faktor-faktor penghindar pemeraksanaan masyarakat. Hasil kajian dan cadangan yang diperoleh mungkin sama atau berbeza di beberapa kawasan pemeraksanaan masyarakat, kerana dipengaruhi oleh aspek-aspek yang berbeza satu sama lainnya. Untuk menganalisis data digunakan metode triangulasi dengan cara membandingkan data hasil temu bual dengan jawapan responden serta data kuantitatif lainnya dan seterusnya dibandingkan dengan teori yang digunakan.***

